

Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Keluarga Masyarakat Lahad Datu dari Sudut Etnografi

NOOR FADILAH DAWI ¹
ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH ²

ABSTRAK

Penggunaan 'aku' merupakan salah satu aspek berbahasa yang penting dalam perbualan seharian kerana penggunaan yang salah akan menggambarkan individu itu tidak tahu bahasa. Penggunaannya akan dianggap kasar jika digunakan terhadap pesapa yang perlu dihormati. Namun demikian, berdasarkan pemerhatian dan penelitian awal, penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu tidak hanya digunakan dalam hubungan yang akrab atau setaraf bahkan terhadap orang yang perlu dihormati termasuklah kepada ibu bapa sendiri dan ahli keluarga yang lain. Oleh yang demikian, makalah ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan penggunaan 'aku' dalam kalangan ahli keluarga menggunakan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991) dengan mengambil masyarakat Lahad Datu sebagai subjek kajian. Untuk itu, pendekatan Etnografi melalui kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu bukan sahaja digunakan terhadap individu yang akrab atau setaraf dengan mereka, tetapi juga terhadap ahli keluarga sendiri.

Kata kunci: 'aku', ahli keluarga, masyarakat Lahad Datu, etnografi

ABSTRACT

The usage of pronoun 'aku' is one of the most important aspects in daily conversation since it becomes an indicator on how far that person can use language properly. It is not suitable if that pronoun is used to communicate with the honorable people as it will signify rudeness. Based on observation, Lahad Datu community not only use the pronoun 'aku' to those who are close or from the same level to them, but also to the other elders who should be respected including their parents and family members. Therefore, this article is used to identify and discuss the usage of this particular pronoun among family members by using Components of Communication Saville-Troike (1991) and Lahad Datu community as the subject in this research. Subsequently, Ethnography approach had been taken by making observation and interview as the methods for the purpose of data collection. Based on research that had been conducted, the usage of pronoun 'aku' among Lahad Datu people is not only specifically used to those who are close or come from the same level to them but also to their own relatives and even who are older than them.

Keywords: 'aku', family members, Lahad Datu community, ethnography

¹ Noor Fadilah Dawi, Pelajar PhD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, noorfadilahdawi@gmail.com

² Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD, Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, zazh@upm.edu.my

Pengenalan

'Aku' merupakan kata ganti nama diri pertama mufrad yang mempunyai bentuk yang utuh (Asmah, 2009:89). Sebagai kata ganti nama diri pertama, 'aku' digunakan oleh penyapa untuk membahaskan diri sendiri terhadap pesapa (Kamus Linguistik, 1997:63). 'Aku' bersinonim dengan 'saya' dan juga kata ganti nama diri dialek yang lain seperti 'sepa', 'kami', 'kita', 'teman', 'sema', 'kema', 'den', 'kawan' dan 'ambo' (Hasan Muhammad Ali, 1989:508-510). Namun, penggunaannya mestilah mengikut konteks yang tertentu. Penggunaan 'aku' dan juga kata ganti nama diri dialek yang lain harus digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi, manakala 'saya' boleh digunakan dalam konteks perbualan rasmi dan tidak rasmi (Awang Sariyan, 2007:39).

Dalam amalan keagamaan, penggunaan 'aku' merujuk kepada bahasa pendinaan yang digunakan oleh orang Islam semasa mengerjakan solat dan memohon doa kepada Allah s.w.t (Noriah Mohamed, 1998:57). Hal ini bermaksud 'aku' bukan sahaja digunakan untuk membahaskan diri sendiri kepada pesapa, tetapi juga kepada tuhan yang Maha Agung dan Maha Tinggi sifatnya. Selain itu, 'aku' juga tergolong dalam kata ganti nama diri kelainan bukan diraja dan digunakan dalam bentuk intim atau kasar (Noriah Mohamed, 1998:49; Asmah, 2009:88). Penggunaan 'aku' adalah berbentuk intim jika digunakan terhadap orang yang mempunyai hubungan rapat. Begitu juga dalam amalan keagamaan Islam, penggunaan 'aku' adalah berbentuk intim kerana membayangkan kerapatan hamba dengan Penciptanya (Idris Aman, 2010:100).

Namun, penggunaan 'aku' adalah berbentuk kasar jika digunakan terhadap golongan yang perlu dihormati termasuklah terhadap ibu bapa, pesapa yang lebih tinggi statusnya dalam masyarakat dan pesapa yang lebih berusia daripada penyapa (Idris Aman, 2010:100; Teo Kok Seong, 2003:15). Hal ini menunjukkan bahawa 'aku'

tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya terhadap orang yang perlu dihormati, sama ada melibatkan pesapa yang lebih berstatus atau pesapa yang lebih berusia daripada penyapa. Walau bagaimanapun, dalam kehidupan masyarakat Melayu sebenarnya terdapat penggunaan 'aku' oleh penyapa yang lebih rendah statusnya terhadap pesapa yang lebih tinggi statusnya, bahkan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua usianya.

Penggunaan 'aku' mengikut usia ini seringkali dikaitkan dengan penyapa yang lebih muda daripada pesapa kerana seharusnya dalam perbualan antara penyapa dengan pesapa yang berbeza usia, penggunaan 'aku' seharusnya tidak digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya, termasuklah kepada ibu bapa sendiri. Walau bagaimanapun, penggunaan ini sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat Melayu kerana menurut Asmiaty Amat (2006:29) penggunaan 'aku' tidak mustahil digunakan oleh seorang anak kepada ibu dan bapanya seperti di beberapa tempat di pedalaman Sabah. Justeru, penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu akan dikaji menggunakan pendekatan Etnografi untuk mencapai objektif kajian.

Latar Belakang Masyarakat Lahad Datu

Lahad Datu merupakan sebuah daerah yang terletak di kawasan pantai timur Sabah dengan kedudukan latitude 5° 1' Utara dan longitud 118° 19' Timur pada jarak lebih kurang 500 km dari Kota Kinabalu, iaitu ibu negeri Sabah dengan keluasan dianggarkan seluas 6,635.2 km². 'Lahad' berasal daripada perkataan suku Bajau-Sinama yang bermaksud tempat atau negeri, manakala 'Datu' bermaksud keturunan bangsawan mahupun yang sudah lama menetap di daerah ini khususnya ketua suku kaum atau panglima dan pembesar daerah. Daerah Lahad Datu berhampiran dengan beberapa tempat seperti Sandakan, Tawau, Kinabatangan, Kunak dan Felde Sahabat. Lahad Datu boleh dikunjungi melalui jalan darat, air mahupun udara. Terdapat beberapa tempat menarik di daerah Lahad Datu, antaranya ialah Hutan Simpan Lahad Datu, Lembah Danum, Taman Hidupan Liar Tabin dan Gua Madai. Masyarakat Lahad Datu pula terdiri daripada etnik Bajau, Idahan, Iranun, Dusun Begahak, Bugis, Suluk, Tidung, Melayu Cocos dan imigran dari Indonesia dan

Filipina. Sebelum pembangunan giat dijalankan, masyarakat Lahad Datu menjalankan perniagaan kelapa dan kopra atau kelapa kering, kini, ekonominya lebih tertumpu kepada penanaman kelapa sawit, selain daripada ekonomi lain (Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad_Datu).

Metodologi Kajian

Kajian kepustakaan dan kajian lapangan merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kajian kepustakaan dilakukan dengan merujuk kepada kajian ilmiah yang berkaitan seperti artikel, jurnal, prosiding seminar, buku, tesis dan segala macam bentuk tulisan untuk meneliti kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji lepas. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2005:4), kajian kepustakaan bermaksud kajian yang telah dilakukan lebih awal, dihimpunkan dan didokumentasikan hasil kajiannya. Semua tulisan dan hasil kajian pengkaji lepas diteliti dan dianalisis kandungannya. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat terkini tentang penggunaan sistem sapaan termasuklah penggunaan 'aku', kata ganti nama diri pertama yang lain dan kata sapaan atau apa-apa sahaja yang berkaitan yang dapat dijadikan sebagai bahan sorotan kajian lepas. Sekurang-kurangnya satu perbandingan ilmu dapat dilakukan dan penindanan bidang dapat diatasi. Kajian kepustakaan ini ternyata dapat membantu pengkaji dalam memberikan input mengenai penggunaan sistem sapaan yang terdapat dalam bahasa dan masyarakat Melayu.

Setelah maklumat yang berkaitan diperoleh daripada kajian kepustakaan, seterusnya kajian lapangan dilakukan, iaitu menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Kaedah pemerhatian yang dilakukan terdiri daripada pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta. Walau bagaimanapun, pemerhatian turut serta akan dilakukan serentak dengan pemerhatian tidak turut serta di lokasi pemerhatian. Hal ini bermaksud walaupun pengkaji melakukan pemerhatian turut serta ada ketikanya pengkaji juga bertindak sebagai pemerhati sahaja kerana dalam pemerhatian tidak turut serta, pengkaji tidak terlibat secara langsung dalam situasi perbualan yang diperhatikan (Gay & Airasian, 2000). Kaedah ini membolehkan pengkaji memisahkan diri daripada terlibat dalam perbualan yang berlaku (Jacob, 1988). Dengan itu, pengkaji dapat mengesan penggunaan kata ganti nama diri secara lisan

dan spontan dengan lebih mudah dan dapat mengukur kesan modenisasi kerana penggunaan sehari-hari dapat memberikan maklumat utama kepada penggunaan kata ganti nama diri dan juga untuk mendapatkan data korpus (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2005:6).

Oleh yang demikian, pemerhatian tidak turut serta pada peringkat awal yang dilakukan dapat membantu pengkaji melihat kata ganti nama diri pertama yang aktif digunakan dalam perbualan seharian mereka. Namun, pada peringkat seterusnya, pemerhatian turut serta dilakukan. Dalam kajian etnografi, pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian turut serta. Data yang dikumpulkan daripada pemerhatian tidak turut serta, (iaitu dengan cara melihat dan mendengar apa yang berlaku di tempat kejadian) atau melalui pemerhatian turut serta (iaitu dengan mengambil bahagian dalam perbualan), mampu membekalkan maklumat yang kaya dan boleh menambah kebolehpercayaan kepada kajian yang dijalankan (Delamont, 1992; Hammersley and Atkinson, 1995). Hal ini kerana kaedah yang paling biasa digunakan untuk memungut data Etnografi dalam apa-apa domain kebudayaan adalah melalui pemerhatian turut serta. Si pengkaji, yang menjadi ahli komuniti bahasa itu adalah cukup sesuai dengan peranan itu, manakala ahli-ahli antropologi mendapati ada kemungkinan untuk mempersepsi dan memahami perlakuan kebudayaan yang berpola dalam masyarakat yang lain jika mereka bercampur-gaul dengan komuniti itu untuk setahun ataupun lebih. Kunci kepada kejayaan pemerhatian turut serta ini adalah untuk membebaskan diri seseorang sejauh mungkin daripada pengaruh pengalaman kebudayaan mereka sendiri. Ini memerlukan relativisme budaya, iaitu pengetahuan mengenai pelbagai kemungkinan perbezaan budaya serta kepekaan dan keobjektifan dalam mengamati orang lain (Saville-Troike, 1991:129-130).

Satu daripada kebaikan yang penting bagi pemerhatian turut serta adalah kita mempunyai keupayaan untuk menguji hipotesis mengenai peraturan komunikasi, kadang-kadang dengan cara melanggar peraturan itu lalu memerhatikan reaksi mereka. Pemerhatian turut serta dalam aktiviti dalam suatu jangka masa biasanya diperlukan kerana banyak maklumat akan terjelma di samping dapat mewujudkan rasa percaya terhadap pengkaji (Saville-Troike, 1991:130). Satu perkara yang

seharusnya jelas adalah bahawa suatu pemerhatian turut serta, satu kecekapan linguistik dan budaya yang bertahap tinggi adalah suatu *sine qua non* bagi kerja lapangan yang berjaya terutamanya jika hendak dijalankan dalam jangka waktu yang terbatas.

Untuk membolehkan seseorang pengkaji itu mengambil bahagian dalam pelbagai peristiwa berbahasa tanpa begitu menonjolkan diri sebagai pemerhati turut serta, seseorang itu seharusnya sedapat yang mungkin sama-sama memiliki latar dan kecekapan linguistik komuniti yang dikaji itu. Namun begitu, beberapa variasi eksperimental bersahaja tentang keadaan atau tentang interaksi juga diperlukan untuk menimbulkan ataupun menguji kehadiran pola-pola tindak balas yang berlainan (Saville-Troike, 1991:131). Oleh itu, adalah perlu bagi ahli etnografi yang ingin melakukan pemungutan data dalam situasi yang melibatkan diri mereka agar turut memasukkan data tentang perlakuan mereka sendiri dalam hubungan mereka dengan orang-orang lain serta analisis tentang peranan mereka serta orang-orang lain dalam interaksi itu (Saville-Troike, 1991:131). Pemerhatian turut serta dilakukan dengan cara menghadiri seberapa banyak majlis keramaian yang berlangsung dalam tempoh pengumpulan data dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kejadian berbahasa yang berlaku dalam kalangan penyapa di Lahad Datu.

Temu bual pula merupakan satu kaedah pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan sosial (Cohen & Manion, 1989) termasuklah penyelidikan dalam bidang bahasa. Temu bual dalam kajian ini dilakukan untuk memperkukuh data daripada pemerhatian yang dilakukan, iaitu melibatkan perbualan antara pengkaji dengan informan bagi tujuan mendapatkan maklumat yang relevan dengan kajian. Temu bual boleh menyumbangkan pelbagai maklumat budaya yang mungkin merangkumi koleksi jadual kekerabatan, maklumat tentang upacara keagamaan dan upacara komuniti yang penting, pencuplikan cerita penglipur lara, cerita sejarah, nyanyian, pendedahan mengenai 'bagaimana hendak' dalam hubungannya dengan pelbagai aspek pengetahuan teknologi, dan deskripsi tentang keterserempakan dalam kalangan anggota komuniti dalam konteks yang berbeza (Saville-Troike, 1991:133).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bersama 15 orang informan. Penggunaan pelbagai teknik pengutipan data adalah untuk memastikan bahawa pengkaji tidak hanya bergantung pada satu teknik sahaja. Hal ini akan dapat memperkukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan. Setiap data yang diperolehi, iaitu maklumat dan bukti diperkuatkan dengan pemerolehan maklumat bukti daripada teknik dan sumber lain. Hal ini adalah selaras dengan perihal berlakunya proses pengutipan data. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Spradley (1980), proses penggunaan teknik tersebut tidak berlaku secara linear tetapi secara rekursif, iaitu bertindanan antara penggunaan satu teknik dengan satu teknik yang lain.

Tanpa proses temu bual, data yang diperolehi daripada pemerhatian tidak dapat memberi gambaran yang lengkap tentang apa yang diperhatikan. Teknik temu bual juga digunakan kerana merupakan satu cara yang cepat untuk mendapat maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat (Merriam, 1988). Dalam kajian ini, temu bual yang dijalankan bersifat semi struktur, iaitu bersifat terbuka tetapi masih terkawal. Soalan yang diajukan kepada informan adalah berpandukan soalan yang telah disediakan. Hal ini membolehkan pengkaji mendapat pelbagai maklumat yang bukan sahaja berkaitan dengan penggunaan 'aku' yang menjadi fokus kajian, tetapi juga berkaitan penggunaan kata ganti nama diri pertama yang lain yang dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang kajian yang dijalankan.

Umumnya kajian etnografi mensyaratkan seorang pengkaji yang berpengalaman dan dapat membenamkan dirinya dalam budaya masyarakat yang diteliti. Hal ini bermaksud seorang pengkaji harus bersosialisasi dengan dirinya sendiri ke dalam budaya tersebut dan cuba menjelaskan peristiwa berbahasa yang berlaku. Walau bagaimanapun, temu bual hanyalah merupakan pengumpulan laporan sendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang pengkaji untuk membuat trigulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian. Hal ini bermaksud melalui pemerhatian secara tidak turut serta yang dilakukan pada peringkat awal, maklumat akan disahkan dengan menemu bual, dan hasil daripada temu bual itu pula pemerhatian secara turut serta akan dilakukan bersama dengan pemerhatian secara tidak turut serta.

Komponen Komunikasi Saviile-Troike (1991)

Berikut merupakan komponen komunikasi Saviile-Troike (1991) yang terlibat dalam penganalisan data, namun hanya komponen komunikasi yang melibatkan peserta yang akan digunakan untuk menganalisis dapatan kajian dalam makalah ini. Komponen komunikasi yang dimaksudkan adalah seperti berikut, iaitu:

- i. genre atau jenis peristiwa itu (misalnya jenaka, cerita, kuliah, sapaan, perbualan).
- ii. topik atau fokus rujukan.
- iii. tujuan atau fungsi, peristiwa sama ada secara amnya dan juga dari segi matlamat interaksi setiap peserta.
- iv. latar, ini termasuklah lokasi, masa, musim dan aspek fizikal situasi itu (misalnya saiz bilik, susunan perabot).
- v. **peserta**, ini termasuklah **umur**, jantina, etnik, **status** sosial mereka atau apa sahaja kategori lain yang ada serta kaitan antara faktor tersebut.
- vi. bentuk mesej, ini termasuklah sama ada melalui saluran lisan dan juga bukan lisan serta sifat kod yang digunakan (misalnya bahasa apa dan ragam apa).
- vii. kandungan mesej atau rujukan denotatif pada permukaan luarannya; apakah yang dikomunikasikan.
- viii. urutan perilaku atau penyusunan perilaku komunikasi/berbahasa. Ini termasuklah giliran bercakap dan gejala tumpang tindih.
- ix. peraturan interaksi atau apakah peraturan yang harus diperhatikan.
- x. norma interpretasi, ini termasuklah pengetahuan yang diketahui oleh semua, praandaian budaya yang berkaitan atau pemahaman yang sama-sama dimiliki yang membolehkan penyimpulan tertentu dilakukan tentang apa yang boleh dilihat secara literal, apa yang seharusnya tidak diambil kira, dan lain-lain.

Dapatan Kajian

Ahli keluarga dalam kajian ini terbahagi kepada keluarga asas dan keluarga lebih luas, namun perbincangan dalam bahagian ini hanya memfokus kepada ahli dalam keluarga asas masyarakat Lahad Datu. Keluarga asas terdiri daripada bapa, ibu, anak lelaki dan anak perempuan (Faridah et al., 2014:54). Oleh yang demikian, pembentukan keluarga asas adalah bermula daripada lelaki dan perempuan yang telah berkahwin dan memegang status sebagai suami dan isteri. Kemudiannya, apabila suami isteri tersebut telah mempunyai anak, maka, mereka akan bergelar sebagai seorang bapa dan ibu kepada anak-anak, manakala anak-anak pula akan menjadi abang, kakak dan adik. Justeru, penggunaan 'aku' dalam keluarga asas masyarakat Lahad Datu akan dilihat berdasarkan penggunaannya mengikut status dan usia. Penggunaan 'aku' mengikut status dalam keluarga asas terdiri daripada sapaan antara suami dengan isteri, manakala penggunaan 'aku' mengikut usia terdiri daripada sapaan antara bapa, ibu dengan anak dan juga sapaan antara abang, kakak dengan adik.


Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dalam Keluarga Asas

Penggunaan 'aku' mengikut status terdiri daripada sapaan yang digunakan oleh penyapa yang lebih tinggi statusnya kepada pesapa yang lebih rendah statusnya. Penggunaan 'aku' dalam keadaan ini merujuk kepada suami selaku penyapa yang lebih tinggi statusnya berbanding dengan isteri dalam keluarga asas.

Di samping itu, penggunaan 'aku' mengikut status juga terdiri daripada sapaan oleh penyapa yang lebih rendah statusnya kepada pesapa yang lebih tinggi statusnya. Penggunaan 'aku' dalam keadaan ini pula adalah merujuk kepada isteri selaku penyapa yang lebih rendah statusnya berbanding dengan suami dalam keluarga asas.

Jika dirajahkan penggunaan 'aku' mengikut status dalam keluarga asas bagi masyarakat Lahad Datu adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 1.

Rajah 1: Penggunaan 'aku' mengikut status dalam keluarga asas masyarakat Lahad Datu




Oleh sebab kedudukan lelaki dipandang tinggi dalam masyarakat Melayu, maka dalam keluarga asas, lelaki diletakkan sebagai ketua keluarga. Dengan demikian, suami mempunyai status yang lebih tinggi daripada isteri walaupun terdapat isteri yang mempunyai usia lebih tua daripada suami dan memegang jawatan lebih tinggi daripada suami. Hal ini kerana dalam ajaran Islam, kaum lelaki diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi daripada kaum perempuan (Amat Juhari, 1989:206).

Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia dalam Keluarga Asas

Seterusnya, penggunaan 'aku' akan dilihat mengikut usia. Penggunaan 'aku' mengikut usia dalam keluarga asas merujuk kepada sapaan yang melibatkan penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda dan juga melibatkan penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua dalam keluarga asas. Penggunaannya adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 2.

Rajah 2: Penggunaan 'aku' mengikut usia dalam keluarga asas masyarakat Lahad Datu




| |
|-------------------|
| Ibu kepada Anak |
| Abang kepada Adik |
| Kakak kepada Adik |


| |
|-------------------|
| Anak kepada Ibu |
| Adik kepada Abang |
| Adik kepada Kakak |

Berdasarkan Rajah 2, penggunaan 'aku' mengikut usia dalam keluarga asas terdiri daripada sapaan yang melibatkan bapa dengan anak, ibu dengan anak, abang dengan adik dan juga kakak dengan adik. Untuk menyapa pesapa yang lebih muda, penyapa yang lebih tua, iaitu yang terdiri daripada bapa, ibu, abang dan kakak akan menggunakan 'aku' untuk membahaskan diri mereka sendiri terhadap golongan yang disapa. Hal ini bermaksud, seorang bapa dan ibu akan menggunakan 'aku' kepada anaknya, begitu juga dengan seorang abang dan kakak akan menggunakan 'aku' kepada adiknya.

Penggunaan 'aku' mengikut usia dalam keluarga asas tidak hanya melibatkan penggunaan oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda, tetapi juga oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua daripadanya. Hal ini bermaksud, seorang anak akan menggunakan 'aku' untuk membahaskan dirinya sendiri terhadap bapa dan ibunya, begitu juga dengan seorang adik akan menggunakan 'aku' untuk membahaskan dirinya sendiri terhadap abang dan kakaknya. Jika dirajahkan, penggunaan 'aku' mengikut status dan usia dalam keluarga asas masyarakat Lahad Datu adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 3.

Rajah 3: Penggunaan 'aku' mengikut status dan usia dalam keluarga asas masyarakat Lahad Datu





Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia dalam Keluarga Asas

1. Penggunaan 'Aku' oleh **Penyapa Lebih Tua kepada Pesapa Lebih Muda** dalam Keluarga Asas

Penggunaan 'aku' dalam kalangan penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda berlaku dalam ahli keluarga asas. Contoh penggunaannya dapat dilihat seperti yang terdapat dalam Data 1.

Data 1

- Kakak : Siapa punya ini?
- Adik : Hitam.
- Kakak : Hitam. Aku punya.

Berdasarkan Data 1, penggunaan 'aku' didapati digunakan oleh kakak selaku penyapa yang lebih tua kepada adiknya selaku pesapa yang lebih muda. Kakak menggunakan 'aku' untuk membahaskan dirinya sendiri terhadap adiknya dengan mengatakan "Hitam. Aku punya". Penggunaan 'aku' oleh kakak kepada adik dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa 'aku' digunakan oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda dalam keluarga asas.

2. Penggunaan 'Aku' oleh **Penyapa terhadap Pesapa Sebaya** dalam Keluarga Asas

Penggunaan 'aku' antara penyapa dengan pesapa sebaya tidak melibatkan keluarga asas kerana dalam kalangan ahli keluarga hanya terdapat penyapa yang lebih tua dan

lebih muda daripada pesapa. Contohnya, dalam perbualan antara abang dengan adik atau kakak dengan adik dalam keluarga asas tidak wujud usia sebaya walaupun usia mereka hampir sama, kerana dalam konteks keluarga, abang atau kakak sudah semestinya mempunyai usia lebih tua daripada adik dan walau kembar sekalipun, pastinya salah seorang yang lahir terlebih dahulu akan menjadi abang atau kakak dan yang lahir terkemudian sudah pastinya menjadi seorang adik. Oleh itu, tidak wujud penggunaan 'aku' dalam kalangan ahli keluarga yang sebaya dalam masyarakat Lahad Datu. Hal ini selari dengan kenyataan Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain (2011:122) yang mengatakan bahawa pada adik-beradik kembar sekalipun, sesiapa yang dilahirkan dahulu dianggap sebagai lebih tua dan mesti dipanggil 'abang' kalau lelaki dan 'kakak' kalau perempuan.

3. Penggunaan 'Aku' oleh **Penyapa Lebih Muda kepada Pesapa Lebih Tua**

Penggunaan 'aku' dalam kalangan penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua juga berlaku dalam ahli keluarga asas. Contoh penggunaannya dalam keluarga asas dapat dilihat seperti yang terdapat dalam Data 1.

Data 1

Kakak : Siapa punya ini?
Adik : Hitam
Kakak : Hitam. Aku punya.
Adik : Eee, aku punya mana? Pink.

Berdasarkan Data 1, 'aku' didapati digunakan oleh adik selaku penyapa yang lebih muda kepada kakaknya selaku pesapa yang lebih tua. Adik didapati menggunakan 'aku' untuk membahaskan dirinya sendiri terhadap kakaknya dengan mengatakan "Eee, aku punya mana? Pink". Penggunaan 'aku' oleh adik kepada kakak dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa 'aku' juga digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua dalam keluarga asas.

Penggunaan 'Aku' dalam Konteks Kemesraan

Hubungan yang mesra mempunyai kaitan dengan faktor usia dalam hubungan antara adik-beradik. Pola penggunaan yang terdapat dalam konteks kemesraan antara adik-beradik ialah pola resiprokal BK-BK. Pola tersebut didapati berlaku dalam perbualan yang berikut, iaitu:

Data 1

- Kakak : Siapa punya ini?
 Adik : Hitam.
 Kakak : Hitam. Aku punya.
 Adik : Eee, aku punya mana? Pink.

Dalam Data 1, didapati bahawa kakak memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) kepada adiknya dalam ayat "Hitam. Aku punya", manakala adik juga memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) kepada kakaknya dalam ayat "Eee, aku punya mana? Pink". Pola BK-BK wujud dalam konteks kemesraan kerana kakak memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) dan juga menerima bentuk kasar 'aku' (BK) daripada adiknya. Begitu juga dengan adik, adik memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) kepada kakaknya dan juga menerima bentuk kasar 'aku' (BK) daripada kakaknya.

Selain penggunaan pola bentuk kasar, dalam hubungan keluarga yang mesra sifatnya juga selalu dikaitkan dengan penggunaan pola bentuk halus, misalnya melalui penggunaan pola BH-BH seperti yang terdapat dalam perbualan yang berikut, iaitu:

Data 1

- Ibu : Bila mama? mau cari?
 Anak : Ada begmu kan, sudah. Ada beg barumu.
 Ndak payah la pakai.
 Ibu : Bila mama? mau gam bunga Dedek yang bekas baju Dedek yang pusing-pusing tu?

Ibu menerima kata panggilan bentuk halus 'mama?' (BH) dalam ayat "Bila mama? mau cari?" dan nama panggilan 'Dedek' (BH) daripada anaknya dalam ayat "Bila mama? mau gam bunga Dedek yang bekas baju Dedek yang pusing-pusing tu?," manakala ibu memberikan bentuk halus diri kedua 'mu' (BH) kepada anaknya dalam ayat "Ada begmu kan sudah". Perbualan antara ibu dengan anak ini mewujudkan pola BH-BH dalam kalangan ahli keluarga asas. Oleh yang demikian, dalam konteks kemesraan bagi masyarakat Lahad Datu bukan sahaja ditandai dengan pola penggunaan bentuk kasar 'aku', tetapi juga ditandai dengan bentuk halus seperti penggunaan nama panggilan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa 'aku' digunakan dalam kalangan ahli keluarga asas masyarakat Lahad Datu iaitu melibatkan perbualan antara penyapa dengan pesapa yang berbeza status dan usia seperti berikut, iaitu:

- i. penggunaan 'aku' oleh suami kepada isteri.
- ii. penggunaan 'aku' oleh isteri kepada suami.
- iii. penggunaan 'aku' oleh bapa dan ibu kepada anak.
- iv. penggunaan 'aku' oleh anak kepada bapa dan ibu.
- v. penggunaan 'aku' oleh abang dan kakak kepada adik.
- vi. penggunaan 'aku' oleh adik kepada abang dan kakak.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam kajian ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu bukan sahaja digunakan dalam golongan yang akrab dan setaraf, bahkan juga digunakan dalam kalangan ahli keluarga yang berbeza status dan usia. Oleh itu, pendapat yang mengatakan bahawa 'aku' tidak seharusnya digunakan oleh pesapa yang kurang berstatus terhadap pesapa yang lebih berstatus, dan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua termasuklah terhadap ibu bapa tidak menepati penggunaannya dalam kalangan masyarakat penyapa Lahad Datu. Hal ini kerana golongan penyapa dalam masyarakat Lahad Datu turut menggunakan 'aku' bukan sahaja terhadap ibu bapa, malah terhadap ahli keluarga asas yang lain. Justeru, dapatlah dikatakan bahawa

'aku' digunakan oleh masyarakat Lahad Datu dalam perbualan seharian mereka dengan mengekalkan keunikan berbahasa dalam penggunaannya yang tersendiri.

Rujukan

- Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain. 2011. *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat. 2006. Kesantunan Bahasa Melayu Figuratif dan Citra Wanita. *Dewan Bahasa*. 6(8).
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, L., & Manion, L. 1989. *Research methods in education* (3rd ed.). London: Routledge.
- Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin dan Faiziah Shamsudin. 2014. *Kesantunan Masyarakat Malaysia*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Gay, L. R. dan Airasian, P. 2000. *Educational Research*: Prentice-Hall Inc.
- Hammerseley, M., & Atkinson, P. 1995. *Ethnography: Principles in Practice*. London: Routledge.
- Hasan Muhammad Ali. 1989. Kesalahan Pengamalan Bahasa dalam Konteks Kebudayaan dan Sosial. Dlm *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Jacob, Judith M. 1968. *Introduction to Cambodia*. England: London Oxford University Press.
- Kamus Linguistik*. (1997). Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B. 1988. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masittah Raja Ariffin, Sa'adiah Ma'alip. 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Mohamed. 1998. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Sara, Delamont. 1992. *Fieldwork in Educational Settings: Methods, Pitfalls, & Perspectives*. PA: The Falmer Press.

Saville-Troike, M. 1991. *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. Terj. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Spradley, J. P. 1980. *Participant observation*. New York: Holt, Rinehart & Winston.

Teo Kok Seong. 2003. Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, Jilid 3 (3): 14-23.

Internet:

Lahad Datu.https://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad_Datu.26 jun 2016.